



## PROGRESSIVE INSURANCE BHD (19002-P)

### INSURANS EMPUNYA RUMAH



#### HELAIAN KETERANGAN PRODUK

##### INSURANS EMPUNYA RUMAH

Polisi ini melindungi kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh mana-mana peril yang dinyatakan di dalam polisi insurans ini terhadap Bangunan Rumah Kediaman Persendirian yang ungkapan tersebut hendaklah termasuk segala pejabat domestik, kandang kuda, garaj dan bangunan luar yang digunakan semata-mata yang berkaitan dengannya di atas premis yang sama termasuk lekapan dan lengkapan di dalamnya dan dinding, pintu pagar dan pagar sekeliling dan yang berkaitan dengannya.

##### PERLINDUNGAN

- Kebakaran, kilat, petir, kebakaran bawah tanah.
- Letupan.
- Pesawat udara dan peranti udara yang lain dan/atau benda yang gugur daripadanya.
- Hentaman terhadap mana-mana bahagian bangunan oleh sebarang kenderaan jalan raya atau binatang bukan kepunyaan atau bukan di bawah kawalan Pihak Diinsuranskan atau mana-mana ahli keluarganya.
- Pecahnya atau melimpahnya tangki, peralatan atau paip air rumah tidak termasuk:-
  - a. Yang berhubung dengan setiap satu kerugian yang amanannya dinyatakan dalam Jadual.
  - b. Kemusnahaan atau kerosakan yang berlaku ketika Rumah Kediaman tersebut tidak dihuni.
- Kecurian hanya disertai dengan bukti pemecahan masuk ke dalam atau keluar atau percubaan secara kekerasan.
- Hurikan, siklon, taufan, ribut angin.
- Banjir tetapi tidak termasuk kerugian atau kerosakan disebabkan oleh penenggelaman atau pelinciran tanah.
- Gempa bumi, letusan gunung berapi.
- Rompakan dan tahan di dalam premis harta benda Pihak Diinsuranskan.

##### Perlindungan tambahan bagi perlindungan di atas

###### • Insurans Sewa

Polisi Insurans ini akan mengganti rugi Pihak Diinsuranskan kerugian sebenarnya ditanggung oleh pihak diinsuranskan akibat premis rosak hingga tidak boleh dihuni tetapi hanya bagi tempoh yang diperlukan bagi pengembalian semula dan tertakluk kepada suatu amanun yang tidak melebihi dalam agregat sepuluh (10) peratus daripada keseluruhan Jumlah Diinsuranskan.

###### • Liabiliti Awam

Polisi Insurans ini akan mengganti rugi Pihak Diinsuranskan semua jumlah (maksimum RM50,000 mana-mana satu kemalangan atau siri kemalangan yang membentuk peristiwa) yang Pihak Diinsuranskan mungkin akan dipertanggungjawabkan mengikut undang-undang berkaitan dengan kemalangan yang disebabkan oleh suatu kecacatan pada Bangunan Rumah Kediaman Persendirian tersebut atau pada lekapan dan lengkapan Tuan Rumah atau pada dinding, pintu pagar, pagar dan pokok disekitarnya dan yang berkaitan dengannya mengakibatkan kepada:-

- (i) Kecederaan anggota badan kepada mana-mana orang yang bukan merupakan ahli keluarga Pihak Diinsuranskan atau penghuni rumah dan tidak berkhidmat dengan Pihak Diinsuranskan pada masa mengalami kecederaan tersebut.
- (ii) Kerosakan harta benda yang bukan kepunyaan atau dalam jagaan atau bawah kawalan Pihak Diinsuranskan atau ahli keluarganya atau penghuni rumahnya atau orang yang berkhidmat dengannya.

#### HELAIAN PEMBERITAHUAN PRODUK

Sila baca Helaian Pemberitahuan Produk sebelum anda memilih untuk mendapatkan perlindungan Insurans ini. Sila baca terma dan syarat utama.